

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah definisi Program Penjadualan/Penstruktur Semula?	Program Penjadualan/Penstruktur Semula (P&P) adalah satu pakej penyusunan semula bayaran ansuran bulanan pembiayaan dalam tempoh tertentu yang ditetapkan dan dipersetujui oleh pelanggan dan pihak bank.
2	Apakah matlamat Program Penjadualan/Penstruktur Semula?	Matlamat program ini adalah untuk membantu pelanggan yang terkesan dari segi kewangan dalam meneruskan pembayaran ansuran bulanan semasa.
3	Adakah sebarang caj tambahan dikenakan terhadap baki pembiayaan sedia ada dibawah program ini?	Tiada sebarang caj tambahan akan dikenakan dibawah program ini. Keuntungan terakru dan caj ta'widh yang telah dikenakan tidak akan digandakan/dikompaunkan.
4	Siapakah yang layak memohon Penjadualan / Penstruktur Semula?	Semua pelanggan yang terkesan dari segi kewangan layak memohon. Setiap permohonan akan diklasifikasikan berdasarkan kategori-kategori berikut: Mu'sir: pelanggan tidak berkemampuan untuk membayar ansuran pembiayaan sedia ada (' <i>financially distressed</i> ') Musir: pelanggan yang berkemampuan membayar ansuran pembiayaan sedia ada (' <i>financially capable to meet obligation</i> ') <i>Nota: Sebarang permohonan P&P adalah tertakluk kepada kelulusan Bank.</i>
5	Apakah kriteria bagi pelanggan Mu'sir dan Musir?	<u>Mu'sir</u> <u>Bagi Pelanggan Individu</u> <ul style="list-style-type: none"> Hilang pekerjaan dan kekal tidak bekerja pada tarikh permohonan; dan/ atau Pengurangan 50% atau lebih dalam pendapatan; dan/atau Berpendapatan bersih negatif selepas ditolak perbelanjaan bulanan; dan/atau Terkesan oleh wabak/bencana pada tarikh permohonan.

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

		<p><u>Bagi Perniagaan (PKS/ Bukan PKS)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurangan 25% atau lebih dalam pendapatan/aliran tunai sebenar; dan/atau • Terkesan oleh wabak/atau bencana pada tarikh permohonan. <p><i>Nota: Pelanggan/perniagaan yang bankrap dan/atau perniagaannya digulungkan/berhenti beroperasi ('ceased operation') adalah diklasifikasikan sebagai Mu'sir, namun tidak layak untuk P&P. Walau bagaimanapun, Bank boleh mempertimbangkan alternatif lain seperti aturan bayaran/penyelesaian pembiayaan.</i></p> <p><u>Musir</u> (untuk Individu and Perniagaan – PKS/ Bukan PKS)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebarang kriteria selain daripada yang dinyatakan untuk Mu'sir <p><i>Nota: Definisi dan kriteria di atas boleh diubah mengikut arahan Bank Negara Malaysia (sekiranya ada).</i></p>
<p>6</p>	<p>Apakah perbezaan bagi program Penjadualan/ Penstrukturan Semula bagi Mu'sir & Musir?</p>	<p>Bagi pelanggan kategori Mu'sir, tiada sebarang caj keuntungan tambahan akan dikenakan ke atas pembiayaan.</p> <p>Manakala bagi Musir, caj keuntungan yang baharu boleh dikenakan ke atas pembiayaan.</p> <p><i>Nota: Caj keuntungan tambahan dibawah program penjadualan/penstrukturan semula tidak akan dikenakan bagi pelanggan kategori Mu'sir kecuali terdapat perubahan KA/KPA/KD (rujuk soalan 22). Sekiranya pelanggan gagal untuk membuat pembayaran berdasarkan perjanjian pembiayaan, Bank berhak menuntut keseluruhan baki pembiayaan termasuk keseluruhan caj keuntungan dibawah perjanjian tersebut tertakluk kepada ibra' (rebat).</i></p>
<p>7</p>	<p>Sekiranya pelanggan berada dibawah mana-mana pakej bantuan bayaran sedia ada, adakah program tersebut akan terbatal apabila Penjadualan/Penstrukturan Semula diluluskan?</p>	<p>Ya, pakej bantuan bayaran sedia ada akan terbatal sekiranya pelanggan memohon/membuat pilihan untuk memulakan ansuran dibawah penjadualan/ penstrukturan semula akaun pembiayaan dengan serta merta.</p>

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

8	<p>Apakah pra-syarat untuk memohon Penjadualan/ Penstrukturan Semula?</p>	<p>Pra-syarat untuk memohon P&P adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelanggan/perniagaan TIDAK dikategorikan sebagai bankrap dan/atau perniagaannya digulungkan/berhenti beroperasi ('ceased operation'); 2. Pelanggan di bawah program Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit ("AKPK") perlu merujuk kepada pihak AKPK di talian 03-2616 7766 atau melayari laman sesawang AKPK untuk maklumat lanjut berkenaan program P&P di bawah agensi tersebut.
9	<p>Bagaimanakah tatacara untuk memohon Penjadualan/Penstrukturan Semula ini?</p>	<p><u>Bagi Pelanggan Pembiayaan Individu</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengisi dan melengkapkan borang permohonan Penjadualan/Penstrukturan Semula melalui e-borang di laman sesawang <i>Bank Islam</i> ">Need Assistance?>Financing Support & Assistance" yang disertakan bersama dokumen sokongan berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. <u>Bagi pekerja yang bermajikan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Penyata gaji pelanggan untuk 3 bulan terkini (suami/isteri jika pelanggan bersama) (e-slip gaji berserta logo syarikat boleh diterima); atau • Surat pengesahan daripada Sumber Manusia / Majikan; atau • Penyata KWSP terperinci yang terkini (e-penyata KWSP boleh diterima); atau • Borang EA yang terkini; atau • Borang BE yang terkini. b. <u>Bagi yang bekerja sendiri;</u> <ul style="list-style-type: none"> • Borang B terkini; atau • Penyata Bank untuk 3 bulan terkini; atau • Penyata Kewangan Diaudit Tahun terkini. c. <u>Bagi yang bekerja sendiri tetapi tiada dokumen sokongan;</u> <ul style="list-style-type: none"> • Surat akuan bersumpah yang menyatakan pelanggan bekerja sendiri serta menyatakan pendapatan bulanan yang diperolehi.

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

		<p><u>Bagi Pelanggan Pembiayaan Perniagaan (PKS)</u></p> <p>1. Mengemukakan borang permohonan P&P kepada pegawai perhubungan bank atau di mana-mana cawangan bank berdekatan atau melalui e-mel ke supportforbusiness@bankislam.com.my dan menyertakan dokumen sokongan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyata Bank untuk 6 bulan terkini; dan • Bukti terkini pendapatan yang dijana (contoh : Rekod jualan bulanan, Perjanjian Sewa, Kontrak Diberikan dsb); dan • Unjuran aliran tunai (contoh : 2 hingga 5 tahun); <p><u>Bagi Pelanggan Pembiayaan Perniagaan (Bukan PKS)</u></p> <p>1. Mengemukakan borang permohonan P&P kepada pegawai perhubungan bank atau di mana-mana cawangan bank berdekatan atau melalui e-mel ke supportforbusiness@bankislam.com.my dan menyertakan dokumen sokongan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyata Bank untuk 6 bulan terkini; dan • Bukti terkini pendapatan yang dijana (contoh : Rekod jualan bulanan, Perjanjian Sewa, Kontrak Diberikan dsb); dan • Penyata Kewangan Teraudit terkini atau Akaun Pengurusan terkini; dan • Unjuran aliran tunai (contoh : 3 hingga 5 tahun) <p><i>Nota:</i> Bank boleh meminta dokumen tambahan dan/atau input untuk menyokong permohonan ini (jika berkenaan).</p>
10	<p>Bagaimanakah sekiranya pelanggan TIDAK memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon Program Penjadualan / Penstrukturan Semula?</p>	<p>Sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang dinyatakan, pelanggan boleh memohon mendapatkan bantuan daripada Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit ("AKPK") bagi meringankan masalah pembayaran yang dihadapi melalui penjadualan/ penstrukturan semula ansuran bulanan dibawah program AKPK.</p>

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

		<p>Pelanggan boleh menghubungi AKPK ditalian 03-26167766 atau melayari laman sesawang AKPK untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan.</p> <p>Bagi pelanggan perniagaan, boleh memohon mendapatkan bantuan melalui <i>Corporate Debt Restructuring Committee (CDRC)</i> atau <i>AKPK-Small Debt Resolution Scheme (SDRS)</i> yang mana berkaitan.</p> <p>Agensi tersebut boleh dihubungi seperti berikut:</p> <p>a) CDRC</p> <ul style="list-style-type: none"> • e-mel: enquiries@cdrc.my No tel: 03-20965000 <p>b) AKPK-SDRS</p> <ul style="list-style-type: none"> • No tel: 03-26167766
11	Bagaimanakah cara untuk menghantar borang permohonan?	<p>Bagi pembiayaan individu (kecuali bagi kemudahan Kad Kredit-i), permohonan boleh terus dihantar selepas melengkapkan e-borang di laman sesawang <i>Bank Islam</i> ">Need Assistance>Financing Support & Assistance" -</p> <p>Manakala bagi pembiayaan perniagaan (PKS/ Bukan PKS), pelanggan boleh menghantar borang permohonan yang lengkap kepada pegawai perhubungan Bank atau di mana-mana cawangan bank yang berdekatan atau melalui e-mel ke supportforbusiness@bankislam.com.my</p> <p>Nota: Bagi kemudahan Kad Kredit-i, pelanggan boleh merujuk kepada pihak AKPK di talian 03-2616 7766 atau melayari laman sesawang AKPK untuk maklumat lanjut berkenaan program P&P di bawah agensi tersebut.</p>
12	Bagaimanakah dengan status permohonan yang tidak lengkap?	<p>Permohonan yang tidak lengkap akan terbatal selepas 14 hari dari tarikh permohonan diterima daripada pelanggan.</p>
13	Berapa lamakah tempoh untuk pelanggan mengetahui keputusan permohonan program penjadualan/penstrukturan semula ini?	<p>Keputusan bagi permohonan yang lengkap akan dimaklumkan dalam tempoh tujuh (7) hingga dua puluh satu (21) hari mengikut kalendar daripada tarikh permohonan.</p> <p>Bank akan memaklumkan keputusan permohonan melalui surat tawaran (bagi permohonan yang diluluskan) atau surat</p>

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

		makluman permohonan tidak berjaya (bagi permohonan yang tidak diluluskan).
14	Bagaimanakah dengan laporan akaun pembiayaan pelanggan di dalam laporan kredit ("CCRIS"), Bank Negara Malaysia ("BNM") sekiranya permohonan pelanggan diluluskan untuk Penjadualan / Penstrukturan Semula?	Di bawah Program Penjadualan/Penstrukturan Semula ini, akaun pembiayaan pelanggan akan diklasifikasikan sebagai akaun penjadualan / penstrukturan semula di dalam laporan kredit ("CCRIS") Bank Negara Malaysia ("BNM").
15	Bagi bayaran pembiayaan pelanggan yang ditolak secara automatik daripada gaji pelanggan, adakah pelanggan layak untuk Program Penjadualan / Penstrukturan Semula?	Ya. Pelanggan layak untuk memohon program ini. Walau bagaimanapun, pelanggan perlu menghubungi majikan masing-masing untuk mengemaskini amaun potongan gaji dan tarikh efektif pemotongan selepas kelulusan diterima.
16	Bagaimanakah jika pelanggan membuat Arahan Tetap untuk pembayaran pembiayaannya?	Setelah pelanggan menandatangani penerimaan surat tawaran penjadualan/penstrukturan semula, pihak Bank akan mengemaskini amaun bayaran Arahan Tetap pelanggan jika Arahan Tetap adalah dari akaun simpanan/akaun semasa di Bank Islam. Bagi akaun simpanan/akaun semasa pelanggan di bank lain, pelanggan perlu mengemaskini Arahan Tetap tersebut berdasarkan amaun bayaran terkini dengan bank yang berkenaan.
17	Adakah pelanggan masih perlu membuat pembayaran untuk akaun pembiayaan semasa permohonan Penjadualan/ Penstrukturan Semula diproses?	Ya. Pelanggan perlu meneruskan pembayaran ansuran bulanan seperti biasa atau amaun yang ditetapkan oleh Bank sehingga permohonan tersebut diluluskan dan makluman tentang jadual penjadualan/penstrukturan semula yang terbaharu diterima/diaktifkan.

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

18	Adakah tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan akan dilanjutkan?	Sebarang lanjutan kepada tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan adalah tertakluk kepada aturcara bayaran yang ditetapkan seperti di dalam surat tawaran penjadualan/penstrukturan semula.
19	Berapa lamakah tempoh yang diperlukan untuk akaun dikemaskinikan didalam sistem dengan terma-terma pembayaran yang baru?	<p>Bagi penjadualan semula, terma-terma pembayaran yang baharu akan dikemaskinikan dalam tempoh tujuh (7) hingga sepuluh (10) hari bekerja daripada tarikh penerimaan surat tawaran penjadualan semula yang ditandatangani.</p> <p>Manakala bagi pembiayaan di bawah penstrukturan semula, akaun baharu akan dikemaskinikan dengan terma-terma pembayaran baharu setelah proses dokumentasi disempurnakan dan syarat-syarat pengeluaran dipenuhi.</p>
20	Sekiranya tempoh matang dilanjutkan dan akaun pembiayaan dilindungi dibawah perlindungan Takaful, adakah tempoh perlindungan tersebut akan diselaraskan mengikut tempoh lanjutan?	Tidak. Perlindungan Takaful tidak akan dilanjutkan.
21	Untuk akaun pembiayaan perumahan dibawah kemudahan Rehat Bayaran (Payment Holiday), adakah pelanggan layak untuk terus menikmati kemudahan tersebut sekiranya berada di bawah program ini?	Tidak. Kemudahan Rehat Bayaran (Payment Holiday) tersebut akan dibatalkan serta merta dan pelanggan tidak lagi layak untuk menikmati kemudahan Rehat Bayaran (Payment Holiday) tersebut sehingga tamat tempoh pembiayaan.
22	Bagi akaun dibawah kadar terapung, adakah ansuran bulanan dibawah penjadualan/penstrukturan semula akan berubah sekiranya terdapat	<p>Sekiranya terdapat perubahan KA/ KPA/ KD*, perubahan ansuran bulanan adalah berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Penjadualan/Penstrukturan Semula.</p> <p><i>*Nota: Kadar Asas termasuk Kadar Asas Standard.</i></p>

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

	<p>perubahan Kadar Asas (KA) / Kadar Pembiayaan Asas (KPA)/ Kos Dana ('Cost of Fund')(KD)/?</p>							
23	<p>Apakah impak kepada baki pembiayaan pelanggan di bawah penjadualan / penstrukturan semula ini?</p>	<p><u>Bagi program penjadualan semula;</u> Baki pembiayaan untuk akaun yang menyertai program ini akan menyusut pada kadar yang perlahan dan juga berkemungkinan akan menyebabkan;</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Kenaikan kepada jumlah keseluruhan pembayaran sepanjang tempoh pembiayaan dan kenaikan kos pembiayaan keseluruhan (jumlah keseluruhan pembiayaan tidak akan melebihi harga jualan bank) dan/atau; II. Bayaran terkumpul pada ansuran terakhir pembiayaan. III. Keuntungan akan terus terakru ke atas mana-mana bayaran pembiayaan yang telah ditangguhkan (sekiranya ada) dan pelanggan perlu membayarnya pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, keuntungan tersebut tidak akan dikompaunkan. <p>Berikut adalah ilustrasi impak kepada baki pembiayaan pelanggan:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Jumlah Pembiayaan: RM200,000.00</td> <td style="padding: 5px;">Harga Jualan: RM387,204.00</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kadar Keuntungan Efektif: 4.52%</td> <td style="padding: 5px;">Kadar Keuntungan Siling: 15.00%</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Tempoh Pembiayaan: 120 bulan</td> <td style="padding: 5px;">Ansuran Bulanan: RM2,074.70</td> </tr> </table>	Jumlah Pembiayaan: RM200,000.00	Harga Jualan: RM387,204.00	Kadar Keuntungan Efektif: 4.52%	Kadar Keuntungan Siling: 15.00%	Tempoh Pembiayaan: 120 bulan	Ansuran Bulanan: RM2,074.70
Jumlah Pembiayaan: RM200,000.00	Harga Jualan: RM387,204.00							
Kadar Keuntungan Efektif: 4.52%	Kadar Keuntungan Siling: 15.00%							
Tempoh Pembiayaan: 120 bulan	Ansuran Bulanan: RM2,074.70							

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

	TANPA Penjadualan Semula	DENGAN Penjadualan Semula																		
	<p>Senario: a) Pelanggan meneruskan ansuran bulanan tanpa penjadualan semula:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 10px 0;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bulan</th> <th style="text-align: center;">Ansuran (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1-119</td> <td style="text-align: center;">2,074.70</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">120</td> <td style="text-align: center;">2,074.23</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Jumlah Bayaran</td> <td style="text-align: center;">248,963.53</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Nota:</i> Tiada perlanjutan tempoh pembiayaan.</p> <p>Andaian:</p> <p>a) Tiada perubahan Kadar Asas (KA) / Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sehingga tamat tempoh pembiayaan. b) Pelanggan membuat bayaran secara tetap sehingga akhir tempoh pembiayaan dan akaun tiada tunggakan dan sentiasa kemaskini sepanjang tempoh tersebut. c) Tiada bayaran sekaligus yang mengurangkan baki pokok pembiayaan.</p>	Bulan	Ansuran (RM)	1-119	2,074.70	120	2,074.23	Jumlah Bayaran	248,963.53	<p>Senario: a) Pelanggan memohon penjadualan semula seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 10px 0;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Bulan</th> <th style="text-align: center;">Ansuran (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1-24</td> <td style="text-align: center;">1,500.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">25-48</td> <td style="text-align: center;">1,800.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">49-134</td> <td style="text-align: center;">2,100.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Jumlah Bayaran</td> <td style="text-align: center;">258,769.08</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Nota:</i> Lanjutan tempoh pembiayaan selama 14 bulan.</p> <p>Andaian:</p> <p>a) Tiada perubahan Kadar Asas (KA) / Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sehingga tamat tempoh pembiayaan. b) Pelanggan membuat bayaran secara tetap sehingga akhir tempoh pembiayaan dan akaun tiada tunggakan sepanjang tempoh tersebut. c) Tiada bayaran sekaligus yang mengurangkan baki pokok pembiayaan.</p>	Bulan	Ansuran (RM)	1-24	1,500.00	25-48	1,800.00	49-134	2,100.00	Jumlah Bayaran	258,769.08
Bulan	Ansuran (RM)																			
1-119	2,074.70																			
120	2,074.23																			
Jumlah Bayaran	248,963.53																			
Bulan	Ansuran (RM)																			
1-24	1,500.00																			
25-48	1,800.00																			
49-134	2,100.00																			
Jumlah Bayaran	258,769.08																			
	<p>o Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM248,963.53</p>	<p>o Lanjutan tempoh pembiayaan: 14 bulan; o Jumlah bayaran yang dibuat sehingga akhir tempoh pembiayaan sehingga RM258,769.08;</p>																		

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

Tambahan keuntungan pengurangan bulanan selama 48 bulan:	jumlah disebabkan ansuran bulanan selama 48 bulan:
	RM9,805.55

Nota:

1. Ilustrasi ini adalah untuk pembiayaan dibawah kadar terapung.
2. Tiada tambahan keuntungan pembiayaan bagi akaun dibawah kadar tetap.
3. Jumlah bayaran tidak akan melebihi Harga Jualan Bank.

Bagi program penstrukturan semula:

- I. Amaun pembiayaan yang akan distrukturkan semula melibatkan baki pokok pembiayaan berserta caj pelbagai (sekiranya ada). Pihak Bank akan mengenakan kadar keuntungan baharu ke atas jumlah tersebut sahaja.
- II. Baki keuntungan terakru dan caj ta'widh dari pembiayaan sedia ada akan dibawa ke akaun penstrukturan semula tanpa dikompaun atau dikenakan sebarang kadar keuntungan.
- III. Pelanggan perlu membayar ansuran bulanan sepertimana yang dinyatakan dalam surat tawaran Bank bagi membayar jumlah keseluruhan diatas di bawah program ini.

Berikut adalah ilustrasi impak kepada pembiayaan pelanggan yang distrukturkan semula (tanpa caj berganda ke atas keuntungan terakru dan ta'widh):

Pembiayaan sedia ada (sebelum penstrukturan semula)	
(A) Baki Pokok	RM100,000.00
(B) Keuntungan Terakru	2,000.00
(C) Kos Pelbagai	500.00
(D) Ta'widh	500.00
JUMLAH BAKI (A) + (B) + (C) + (D)	RM103,000.00
Kadar Keuntungan efektif sedia ada	7%*

*Nota:

1. Bagi pelanggan kategori Mu'sir, tiada sebarang caj keuntungan tambahan akan dikenakan ke atas pembiayaan.

SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM PENJADUALAN/PENSTRUKTURAN SEMULA

(Dikemas kini setakat 22 April 2024)

		<p>2. Bagi pelanggan kategori Musir, caj keuntungan yang baharu boleh dikenakan ke atas pembiayaan.</p> <p>3. Caj keuntungan tambahan dibawah program penjadualan/penstrukturaran semula tidak akan dikenakan bagi pelanggan kategori Mu'sir kecuali terdapat perubahan KA/KPA/KD (rujuk soalan 22). Sekiranya pelanggan gagal untuk membuat pembayaran berdasarkan perjanjian pembiayaan, Bank berhak menuntut keseluruhan baki pembiayaan termasuk keseluruhan caj keuntungan dibawah perjanjian tersebut tertakluk kepada ibra' (rebat).</p> <p>Selepas Penstrukturaran semula:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: center;">Penstrukturaran semula dengan caj berganda</th> <th colspan="2" style="text-align: center;">Penstrukturaran Semula (tanpa caj berganda/ kompaun ke atas keuntungan terakru dan ta'widh)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="width: 50%;">Amaun distruktur (A+B+C+D)</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">103,000</td> <td style="width: 30%;">Amaun distruktur (A+C)</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">100,500</td> </tr> <tr> <td>Keuntungan baharu (Kadar keuntungan 7% bagi tempoh 7 tahun)</td> <td style="text-align: right;">27,545</td> <td>Keuntungan baharu (Kadar keuntungan 7% untuk tempoh 7 tahun)</td> <td style="text-align: right;">26,883</td> </tr> <tr> <td>Harga Jualan Baharu/ Jumlah Amaun</td> <td style="text-align: right;">130,545</td> <td>Harga Jualan Baharu Jumlah Terakru(B+D)</td> <td style="text-align: right;">127,383 2,500</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>Jumlah Amaun</td> <td style="text-align: right;">129,883</td> </tr> </tbody> </table> <p style="margin-top: 10px;"><i>Nota: Jumlah keseluruhan perlu dibayar oleh pelanggan di bawah program ini lebih rendah berbanding Penstrukturaran semula dengan caj berganda.</i></p>	Penstrukturaran semula dengan caj berganda		Penstrukturaran Semula (tanpa caj berganda/ kompaun ke atas keuntungan terakru dan ta'widh)		Amaun distruktur (A+B+C+D)	103,000	Amaun distruktur (A+C)	100,500	Keuntungan baharu (Kadar keuntungan 7% bagi tempoh 7 tahun)	27,545	Keuntungan baharu (Kadar keuntungan 7% untuk tempoh 7 tahun)	26,883	Harga Jualan Baharu/ Jumlah Amaun	130,545	Harga Jualan Baharu Jumlah Terakru(B+D)	127,383 2,500			Jumlah Amaun	129,883
Penstrukturaran semula dengan caj berganda		Penstrukturaran Semula (tanpa caj berganda/ kompaun ke atas keuntungan terakru dan ta'widh)																				
Amaun distruktur (A+B+C+D)	103,000	Amaun distruktur (A+C)	100,500																			
Keuntungan baharu (Kadar keuntungan 7% bagi tempoh 7 tahun)	27,545	Keuntungan baharu (Kadar keuntungan 7% untuk tempoh 7 tahun)	26,883																			
Harga Jualan Baharu/ Jumlah Amaun	130,545	Harga Jualan Baharu Jumlah Terakru(B+D)	127,383 2,500																			
		Jumlah Amaun	129,883																			
24	<p>Bagaimanakah untuk menghubungi pihak Bank sekiranya pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut?</p>	<p>Untuk sebarang pertanyaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Islam di talian 03- 2690 0900.</p>																				

-TAMAT-

MUAT TURUN BORANG PERMOHONAN (PKS)

Nota : Sila rujuk definisi & kriteria PKS di laman sesawang Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia).

MUAT TURUN BORANG PERMOHONAN (BUKAN PKS)

Nota : Bukan PKS merujuk kepada entiti perniagaan selain PKS